



OTHMAN BIN MAT SAKI

LAMBAIAN KINTA VALLEY

Oleh: Mohd Ghazali Tocheh

DIA insan pendiam. Dia kaya dengan pengalaman dan ilmu pengetahuan terpilih walaupun kelulusannya setakat sekolah rendah cuma. Personaliti, ketokohan dan kewibawaannya boleh dilihat menerusi penglibatannya yang konsisten di dalam barisan kepimpinan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM) Cawangan Negeri Perak sejak ditubuhkan sehinggalah kini. Dia pernah menjadi pembimbing pembikinan dan pembuatan bakul yang dianyam daripada rotan kasar dan halus di beberapa buah institusi Kebajikan Orang-orang Tua di Perak. Dia juga sentiasa peka pada kebajikan rakan-rakan senasib dan pernah berjuang mendapatkan hak wajar setelah menerjunkan diri di bidang pembikinan dan pembuatan bakul daripada rotan.

Othman bin Mat Saki dilahirkan pada 23 September 1941 di Kampung Lambor Kanan, Parit, Perak. Dia anak keenam daripada tujuh orang adik-beradik. Ayahnya seorang petani dan menjalankan kerja-kerja kampung sementara ibunya pula suri rumahtangga sepenuh masa. Menurut cerita keluarga, dia di dalam keadaan normal penglihatan sewaktu dilahirkan. Pada

ketika umurnya lebih kurang empat tahun, dia diserang demam campak yang tumbuh di seluruh badan dan di dalam kedua-dua matanya. Walaupun penyakit yang dihidapinya berjaya dipulihkan dengan rawatan tradisional dan ubat-ubatan kampung, namun penglihatan kedua-dua matanya gagal diselamatkan sama sekali.

Di ketika umurnya lebih kurang sembilan tahun, minat dan kecenderungannya untuk ke sekolah bersama rakan-rakan sebaya dan sepermainan nyata berkobar-kobar di jiwa. Namun segalanya itu gagal direalisasikan sama sekali. Kecacatan penglihatan yang dialaminya menjadi faktor penghalang untuknya menemui impian. Sebelum kekecewaan sempat menjeruk perasaannya lebih lama lagi, peluangnya memenuhi idaman kesampaian juga akhirnya.

Ketika usianya di paras sepuluh-sebelas tahun, peluang tersebut tanpa disedari sudah ada di depannya. Ketika itu Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat sedang rancak mengumpul maklumat dan mendaftarkan mereka yang cacat dan layak untuk dihantar mendapatkan pendidikan formal di sekolah-sekolah khas kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bapa saudaranya yang berkhidmat sebagai Guru Besar di sekolah rendah di kampung mereka pada masa itu telah mendaftarkan namanya pada pihak berkenaan.

Walaupun ayah menghalangnya keras kerana kawatirkan hidupnya dipersia-siakan sesudah tinggal di perantauan, dia tetap dengan kemahuannya untuk pergi belajar demi masa depan dan hari mukanya. Kemahuannya yang berkobar-kobar itu turut disokong jitu dan padu oleh ibu dan bapa saudara yang mendaftarkannya dengan pihak JKM. Ekoran kesungguhannya dan atas pujuk rayu ibu dan bapa saudaranya, akhirnya ayah tunduk juga pada kehendaknya. Pada pertengahan tahun 1952 ketika umurnya sebelas tahun, dia telah meninggalkan kampung menuju Johor Bahru. Pergiannya ke Johor Bahru dari Kuala Kangsar dengan kereta api turut

diiringi bapanya dan Pegawai Kebajikan Masyarakat yang berkenaan. Tiba di Johor Bahru, dia ditempatkan bersama rakan-rakan senasib lain sedia ada di Rumah Kebajikan Am (RKA), Batu 3, Jalan Skudai.

Di RKA, dia memulakan hidup baru bersama rakan-rakan senasib lain secara teratur dan berjadual. Mereka dibimbing dan diajar mengurus diri sendiri dan juga mengemas tempat tidur, bilik dan lain-lain perkara yang peribadi. Mereka juga turut diajar dan dilatih mengenal, menulis dan membaca Braille di samping subjek-subjek pelajaran lain sama seperti yang diajar pada murid-murid celik sebaya di sekolah biasa. Mereka juga turut dibimbing dan diajar subjek Agama Islam secara asas dan keseluruhannya sama ada dari sudut teori mahupun praktikalnya di mana sesuai dan berkenaan. Pada pertengahan tahun 1956, mereka telah dipindahkan belajar ke Sekolah Puteri Elizabeth Untuk Kanak-kanak Buta, Johor Bahru.

Selama belajar di RKA dan Sekolah Puteri Elezabeth, Johor Bahru bermula tahun 1952 hingga Julai 1957, setiap kali cuti penggal persekolahan bermula, dia dan rakan-rakan sepelajar di semua tahap akan dihantar balik dengan kereta api dan diiringi oleh cikgu-cikgu berkaitan hingga ke stesyen kereta api terdekat dengan kampung masing-masing. Dirinya turut menerima perkhidmatan serupa sehingga ke stesyen kereta api Kuala Kangsar di mana keluarganya yang sudah diberitahu sedia menyambut ketibaannya di situ. Perkhidmatan serupa turut dinikmatinya dari stesyen kereta api Kuala Kangsar hinggalah ke tempatnya belajar di Johor Bahru selang sehari-dua sebelum sesi penggal persekolahan baru bermula.

Pada Julai 1957 selepas menamatkan pelajarannya di peringkat rendah di Sekolah Puteri Elezabeth, Johor Bahru, dia telah dihantar pihak berkenaan ke Gurney Training Centre For The Blind (GTC), Malayan Association For The Blind (MAB), Jalan Marsh, Brickfields, Kuala

Lumpur. Di GTC, dia ditempatkan di dalam Kursus Membuat Bakul Daripada Anyaman Rotan Kasar Dan Halus sebagai latihan kemahirannya yang utama. Antara pembikinan dan pembuatan jenis-jenis bakul yang dipelajari termasuklah menganyam dan menyediakan bakul-bakul untuk kegunaan estet-estet getah, kelapa kering dan kelapa sawit, nelayan, dobi, bakul-bakul untuk mengangkut sampah-sarap dan lain-lain. Di samping mengikuti kursus utama yang ditetapkan, dia dan rakan-rakan sepelatih turut belajar Bahasa Inggeris, mengenal dan memahirkan diri menaip secara sistematik menggunakan mesintaip biasa dan lain-lain aktiviti yang telah dijadualkan.

Selama menjadi penghuni GTC, penginapan, makan-minum dan segala keperluan peralatan latihan dan bimbingan, semuanya disediakan secara percuma pada setiap pelatih. Malahan pihak berwajib GTC setiap bulan turut memberi sejumlah wang saku pada semua pelatih termasuk dirinya selama menjalani latihan pemulihan di situ. Mereka juga turut diberi tambang perjalanan percuma (kereta api) dua kali setahun setiap kali GTC ditutup daripada menjalani operasi dan semua pelatih dikehendaki balik ke kampung masing-masing. Di dalam tempoh tiga tahun menjalani latihan kemahiran dan pemulihan di GTC, dia pernah dilantik selama setahun sebagai Ahli Jawatankuasa (AJK) Pelatih-pelatih GTC bagi mewakili semua pelatih untuk memperjuangkan kebajikan dan kepentingan mereka dari segi kemudahan dan keberkesanan latihan kemahiran yang diterima di samping lain-lain keperluan asas seperti keselesaan penginapan dan makan-minum.

Pada awal tahun 1960 sebelum menamatkan latihan, dia dan rakan-rakan sepelatih dikehendaki menduduki satu peperiksaan berkaitan kaedah-kaedah pembuatan, pembikinan dan penganyaman setiap jenis bakul yang sudah dipelajari. Dia beroleh tempat kedua di dalam peperiksaan tersebut apabila keputusannya dikeluarkan pihak berkenaan GTC. Ekoran itu dia

turut terpilih untuk berkhidmat sebagai Pembuat Bakul di Kinta Velly Workshop For The Blind (KVWB), Malayan Association For The Blind (MAB), Ipoh, Perak. Sepatutnya perkhidmatannya bermula pada Julai 1960 tetapi terpaksa ditangguhkan sebulan berikutan dia terpaksa balik ke kampung disebabkan ayah sakit tenat dan kemudiannya meninggal dunia. Walaupun sedih dengan kematian ayah, namun dia yang hidup tetap meneruskan perjuangan. Pada 1 September 1960, barulah dia memulakan kerjanya di KVWB. Segala kemudahan untuk semua pekerja seperti penginapan, makan-minum dan lain-lain keperluan seharian disediakan sepenuhnya dan mereka dikehendaki menjelaskan bayaran-bayaran yang sudah ditetapkan menerusi potongan gaji setiap bulan yang dibuat oleh pihak KVWB.

Tugas-tugas yang dilaksanakan semua pekerja termasuk dirinya dikhususkan membuat dan menyediakan berbagai-bagai jenis bakul yang dianyam daripada rotan kasar dan halus untuk pasaran. Dengan erti kata lain, segala kemahiran menganyam berbagai jenis bakul selama di dalam latihan menjadi asas utama untuknya menghasilkan bakul-bakul yang berkualiti dan kompetatif di pasaran. Bakul-bakul yang dianyam daripada rotan kasar seperti bakul-bakul untuk kegunaan estet-estet getah, kelapa dan kelapa sawit, nelayan, kegunaan pekerja pengangkut sampah-sarap dan lain-lain sememangnya tinggi permintaannya. Di samping itu bakul-bakul yang dianyam daripada rotan halus seperti bakul sampah untuk kegunaan pejabat, bakul dobi dan lain-lain turut mendapat sambutan dan pasaran menggalakkan. Pendapatan bulanan setiap pekerja pula dikira berdasarkan upah yang ditentukan mengikut kuantiti dan kategori bakul yang disediakan. Di samping itu pihak MAB pula menyediakan pendapatan tunjang sebagai gaji pokok dan upah yang berjaya mereka kumpulkan merupakan tambahan pendapatan masing-masing pada setiap bulan.

Pada Ogos 1967 selepas lebih kurang delapan tahun berkhidmat, semua pekerja

diarahkan meninggalkan KVWB. Dirinya turut tidak terkecuali. Ini disebabkan KVWB bakal dijadikan pusat latihan untuk orang-orang buta di bidang pembuatan bakul rotan kasar dan halus serta pagar dawai. Walaupun diarahkan balik ke kampung, kemahiran, kepentingan dan kebajikan setiap pekerja terbabit lebih-lebih lagi dari segi sara hidup terus dilindungi dan dipelihara. JKM di Negeri-negeri berkenaan akan membekalkan segala peralatan dan kelengkapan kemudahan bekerja di samping rotan yang diperlukan selagi mereka sedia meneruskan karier di kediaman masing-masing. Proses untuk memasarkan hasil kerja masing-masing pula, itu pun JKM berkenaan bertanggungjawab menguruskannya.

Dirinya sememangnya bertuah dan beruntung selalu. Dia telah ditawarkan jawatan Cikgu Bakul di Rumah Kebajikan Orang-orang Tua Taiping oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan gaji RM96.00 sebulan. Dia ditugaskan mengajar dan membimbing penghuni-penghuni di situ tentang teknik dan kaedah menyediakan bakul yang dianyam daripada rotan kasar dan halus. Hasilnya amat membanggakannya. Mereka yang dibimbingnya benar-benar minat dan peka pada setiap tunjuk-ajar dan panduan yang diberikannya. Mereka bukan sekadar berpotensi, mereka juga mampu menyediakan bakul-bakul anyaman rotan kasar dan halus yang berkualiti dan kompetitif di pasaran.

Sejak hari pertama lagi, dia sudah tinggal menyewa rumah di kampung berhampiran dengan Rumah Kebajikan Orang-orang Tua Taiping tempatnya berkhidmat. Di hari pertama kehadirannya, sudah tentulah dia memerlukan seseorang memandu, membimbing dan menunjukkannya jalan dan tanda-tanda yang mudah dicam untuknya tiba ke tempat kerja dari rumah sewa dan sebaliknya. Selepas yakin dan cekap dengan keupayaan dan pengecaman laluan yang mesti dibelahinya, barulah dia berulang-alik sendirian setiap hari. Kalau pada mulanya masyarakat sekitar pelik melihat gelagatnya berulang-alik ke Rumah Kebajikan Orang-

orang Tua dari kediaman yang disewanya, keajaiban itu akhirnya terhakis sama sekali. Sebaliknya dia dikagumi dan dipandang tinggi apabila mereka mendapat tahu bahawa dirinya adalah Cikgu Bakul di rumah kebajikan tersebut. Tidak hairanlah semua penghuni kampung di kiri-kanan laluan yang dibelahnya memanggilnya cikgu setiap kali mereka bertembung atau berpapasan sama ada di jalanan atau di mana-mana.

Selepas dua tahun mencurahkan khidmat baktinya pada penghuni-penghuni Rumah Kebajikan Orang-orang Tua Taiping, pada 1 April 1969 dia dipindahkan pula ke Rumah Kebajikan Orang-orang Tua Tanjong Rambutan untuk memberi perkhidmatan serupa. Selama berkhidmat di situ, segala keperluannya termasuk penginapan, makan-minum dan lain-lain ditampung sepenuhnya oleh pihak berkenaan di situ di samping imbuhan RM30.00 sebulan. Di samping mengajar dan membimbing penghuni-penghuni rumah tersebut sama seperti yang dilakukannya selama berkhidmat di Rumah Kebajikan Orang-orang Tua Taiping, dia turut menganyam dan menyediakan bakul-bakul terpilih untuk dijual bagi menambah pendapatannya. Berkaitan pasaran pula, semuanya diuruskan oleh pihak pentadbiran institusi tersebut.

Selepas tujuh tahun mencurah bakti di Rumah Kebajikan Orang-orang Tua Tanjong Rambutan, pada 30 April 1976 dia mendapat arahan bahawa perkhidmatannya ditamatkan. Setelah meninggalkan institusi tersebut, dia kembali semula ke KVWB. Sebaik dimasukinya, dia mendapat khabar bahawa KVWB tidak lagi berfungsi sebagai pusat latihan tetapi dijadikan tempat bekerja seperti yang pernah diketahuinya sewaktu dia mula-mula datang ke situ pada 1 September 1960. Selepas lebih kurang setahun berkhidmat di situ sebagai pembuat bakul, dia menerima khabar pula bahawa KVWB yang pernah dikenalnya sebagai bengkel untuk orang-orang buta bekerja menganyam bakul sudah diambil alih operasinya oleh Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat (PPOC) Perak. Di samping mereka yang cacat anggota, pekak dan bisu,

orang-orang buta sepertinya turut diberi tempat untuk mencari makan di situ. Berkenaan tempat tinggal dan kemudahan bahan, peralatan dan kelengkapan bekerja, semua-semuanya disediakan pihak berkenaan secukupnya. Hanya makan-minum sahaja yang mesti mereka tanggung dan biaya sendiri-sendiri.

Sewaktu memulakan khidmatnya di situ, terdapat ramai lagi rakan-rakan senasib yang bekerja sebagai pembuat bakul dan pagar dawai. Mendapati upahnya tidak berpadanan berbanding harga jualan produk yang dihasilkan sudah meningkat, mereka sesama rakan sekerja mengadakan perbincangan hingga tertubuhnya sebuah jawatankuasa bertindak memperjuangkan kebajikan bersama berasaskan perkhidmatan yang diberi. Dia telah dilantik selaku Pengerusi pada jawatankuasa tersebut. Dia dan jawatankuasanya telah membuat pertemuan dan mengemukakan permohonan supaya upah kerja membuat bakul dan pagar dawai dinaikkan dan pihak pengurusan pada masa itu tiada halangan memenuhi tuntutan mereka. Hasilnya setiap pekerja menerima sekurang-kurangnya dua ratus ringgit sebulan di samping penginapan diberi percuma. Walaupun ada di kalangan mereka sudah mendirikan rumahtangga, pasangan-pasangan tersebut terus dibenarkan tinggal menginap di asrama secara percuma disebabkan kos sewa penginapan di luar terlalu tinggi berbanding pendapatan yang mereka raih setiap bulan.

Dirinya yang sudah berumahtangga pada masa itu turut juga dibenarkan tinggal di asrama berkenaan. Anak-anak pula mereka hantar ke kampung di bawah peliharaan dan jagaan mentuanya di Bota Kanan, Parit, Perak. Dia dan isterinya pada saban hujung minggu dan cuti-cuti umum pasti balik menjengah anak-anak di kampung. Setelah mendapat kediaman tetap di ketika anaknya yang sulung sedang rancak belajar di Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKAN), barulah mereka anak-beranak hidup sebungsu dan tidak berpisah lagi sehinggalah kini.

Sejauh ini dia masih lagi berkhidmat sebagai pembuat bakul dengan PPOC Perak. Walaupun bakul-bakul daripada rotan kasar sudah diberhentikan pengeluarannya selang beberapa tahun lalu, bakul-bakul yang dihasilkan daripada rotan halus tetap mendapat sambutan menggalakkan di pasaran. Dia dan rakan-rakan senasib yang masih lagi setia berkhidmat dengan PPOC Perak hanya dikehendaki menyediakan bakul-bakul terpilih yang dianyam daripada rotan halus. Turut sudah tiada pada masa ini ialah pembikinan pagar dawai yang suatu ketika dahulu beroleh pasaran lumayan. Ini disebabkan mereka yang mahir membuat pagar dawai, sudah tiada seorang pun lagi yang berkhidmat di sini.

Di sepanjang perkhidmatannya sehingga sekarang, pada tahun 1993 PPOC Perak telah menganugerahinya Pingat Pekerja Terbaik, Sijil Penghargaan, wang tunai dan hadiah-hadiah iringan. Dia amat bersyukur dan insaf dengan penghargaan tersebut walaupun apa yang diusahakannya di sepanjang kariernya semata-mata untuk maksud memenuhi keperluan sara hidup. Bagi menentukan setiap hasil kerjanya tidak sia-sia atau membazir, setiap gerak kerjanya sentiasa mementingkan pada aspek-aspek kualiti, kreativiti dan kekukuhan agar bakul-bakul anyamannya kompetitif di pasaran.

Sejak tahun 1983 sehinggalah sekarang, dia dan isterinya tidak lagi tinggal di asrama. Dia berulang-alik dari kediamannya ke tempat kerja dengan pengangkutan yang disediakan pihak PPOC Perak. Sekiranya pengangkutan tiada disebabkan hal-hal yang tidak dapat dielakkan, dia akan meneruskan kerja-kerjanya di rumah sahaja. Berkaitan dengan bahan dan peralatan kerja pula, dia tidak perlu risau. Pihak pentadbiran PPOC Perak sudah lama membenarkannya membawa balik dan menyimpan segala peralatan dan bahan sebagai persediaannya meneruskan kerja di rumah sekiranya tiada pengangkutan untuk membawanya ke tempat kerja.

Semasa meninggalkan asrama PPOC Perak pada tahun 1983, dia sudahpun mendirikan rumahtangga dan beroleh tiga orang cahaya mata. Pada masa itu dia sudahpun memiliki rumah jenis teres dua tingkat secara sewa/beli di Taman Maju Rapat, Ipoh, Perak. Rumah tersebut dibeli dan dimilikinya menerusi keahliannya di dalam Koperasi Sungai Rapat yang membangunkan projek berkenaan. Pada tahun 1998, unit premis kediaman tersebut sudahpun menjadi hak miliknya yang total melalui geran yang diserahkan pihak pemaju padanya.

Dia mendirikan rumahtangga pada 1 Mei 1977 ketika umurnya 36 tahun dengan Azizah binti Hamzah gadis senasibnya. Isterinya berasal dari Kampung Bota Kanan, Parit, Perak. Dia berkenalan dengan isterinya semasa mereka sama-sama belajar di Sekolah Puteri Elizabeth, Johor Bahru. Walaupun perkenalan mereka persis terhenti cukup sampai di situ sahaja, namun seruan jodoh tiada siapa yang dapat menghalangnya. Lebih kurang empat tahun sesudah Azizah berkhidmat sebagai Telefon Operator bermula tahun 1972 di Kinta Electric Distribution (KED), persahabatan mereka kembali terjalin. Segalanya bermula di dalam tahun 1976 sesudah dia kembali semula berkhidmat sebagai pembuat bakul di KVWB sebaik khidmatnya sebagai Guru Bakul di Rumah Orang-orang Tua Tanjong Rambutan ditamatkan. Ketika itu Azizah sering datang berkunjung dan beramah-mesra dengan semua pembuat bakul cacat penglihatan di situ termasuklah dirinya juga.

Tanpa disedari, mereka akhirnya sudah saling cinta-mencintai dan perlu-memerlukan di antara satu sama lain. Selepas setahun menjalinkan hubungan, mereka akhirnya diijabkabulkan dan bertemu di jinjang pelamin. Di sepanjang hidup sebumbung sehingga kini, mereka telahpun dianugerahi tiga orang cahaya mata. Anak mereka yang sulung bernama Aziman (lelaki) dilahirkan pada 28 Januari 1978, berkelulusan Ijazah Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti

Sains Malaysia, Minden, Pulau Pinang. Kini Aziman sedang rancak berkhidmat sebagai Pengetua di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Bachok, Kelantan. Anak mereka yang kedua bernama Azian (perempuan) dilahirkan pada 23 Mac 1980 dan sedang rancak menjalani pengajian di dalam Jurusan Fizik Dan Aplikasi Peringkat Sarjana di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Anak mereka yang ketiga bernama Azmin (lelaki), dilahirkan pada 11 Mei 1982 dan kini sedang rancak menjalankan tugas-tugas sukarela di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kinta setelah menamatkan Pengajian Diploma Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat di Kolej Utara Ipoh (swasta).

Sejak tahun 1993 sehingga kini mereka sekeluarga sudahpun berpindah dan bermastautin di rumah yang dibeli isterinya di Rapat Setia Baru, Ipoh, Perak. Isterinya membeli kediaman itu semasa berkhidmat dengan Tenaga Nasional Berhad. Kalau nama asal majikan isterinya KED, kemudiannya ditukar nama kepada Lembaga Letrik Negara (LLN) di dalam tahun 1980an dan kemudiannya ditukar namanya lagi kepada Tenaga Nasional Berhad (TEN) sejak tahun 1990 sehingga sekarang. Pada tahun 2002, isterinya sudahpun bersara daripada perkhidmatannya sebagai Telefon Operator di TEN. Kalau isterinya sudah menjadi suri rumahtangga sepenuh masa, dia tetap dengan kerjayanya sebagai pembuat bakul sehinggalah kini.

Di samping sibuk dengan kerjaya, keluarga dan mendidik anak-anak, sempat juga dia meluangkan waktu untuk bergiat di dalam badan sukarela setempat. Dia telah menyertai Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Cawangan Perak sejak hujung tahun 1976 sehinggalah sekarang. Sejak menganggotainya, dia sentiasa dipilih dan dilantik menyandang jawatan-jawatan tertentu di dalam barisan kepimpinan pertubuhan tersebut. Sejak tahun 1977 dia telah dipilih dan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa, tahun 1985 sebagai Pengerusi, tahun 1986 sebagai Bendahari dan telah dilantik sebagai Naib Pengerusi bermula tahun 1987

seinggalah sekarang. Menurutny, pertubuhan ini sejak dianggotainya berfungsi untuk memperjuangkan kepentingan dan kebajikan semua ahlinya yang cacat penglihatan di seluruh Perak.

Di samping kerjayanya yang dianggarkan berpendapatan RM200.00 sebulan, dia turut menerima bantuan daripada JKM secara bulanan. Sumbangan atau bantuan tersebut disediakan JKM pada pekerja-pekerja Orang Kurang Upaya termasuk mereka yang cacat penglihatan. Sumbangan atau bantuan seumpama ini sudahpun mula dinikmatinya daripada JKM sejak tahun 1960 lagi yang diistilahkan sebagai Elaun Pekerja Cacat (EPC). Kalau pada permulaannya dia hanya menerima RM25.00 sebulan, kemudiannya JKM meningkatkan sekali ganda lagi menjadi RM50.00 sebulan bermula tahun 1970an. Di dalam tahun-tahun 1980an sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa, JKM menaikkan lagi EPC kepada RM100.00 dan kini dia menerima EPC sebanyak RM200.00 sebulan. Dia amat bersyukur dan berterima kasih kerana dengan sumbangan atau bantuan yang disediakan JKM itu banyak membantu menceria, meningkatkan gaya hidup dan imejnya sekeluarga di mata ramai.